

**SPESIFIKASI UNTUK PERKHIDMATAN PROGRAM KAWALAN PENCEMARAN DI SUNGAI
KEREH KAMPUNG SELAMAT DAN KAWALAN PENCEMARAN BAU KOLAM KUMBAHAN
KHINZIR DI KAMPUNG SELAMAT TAHUN 2014**

1. Jumlah lokasi terlibat : 4 lokasi & 80 ladang khinzir
2. Lokasi : SEBERANG PERAI UTARA
 - i- tingkat selamat 2
 - ii- tingkat selamat 7
 - iii- parit tembakau
 - iv- parit nenas
 - v- 80 ladang khinzir Kampung Selamat
3. Pelaporan wajib :
Laporan hendaklah diserahkan dalam bentuk:-
 - i. Laporan perkhidmatan dalam bentuk *soft copy* dan *hardcopy*
 - ii. Gambar-gambar bukti perkhidmatan dan berkaitan yang dijalankan
 - iii. Perakuan oleh penternak dimana kerja kawalan dijalankan
4. Perkhidmatan merangkumi:
 - a) Kawalan Pencemaran di Sungai Kereh Kg Selamat
 - i. Persediaan bahan dan peralatan yang akan digunakan
 - ii. Menghantar bahan dan peralatan yang diperlukan
 - iii. Menjalankan kerja-kerja perkhidmatan kawalan pencemaran
 - iv. Selenggara kenderaan serta peralatan dan bahan yang digunakan
 - v. Penggunaan bahan untuk kawalan pencemaran mesti mengikut ketetapan yang dibuat oleh Jabatan
 - vi. Membekal bahan rawatan untuk kegunaan selepas program
 - vii. Menyediakan kemudahan dan keperluan pegawai pemantau
 - b) Kawalan Pencemaran bau kolam kumbahan khinzir di Kampung Selamat
 - i. Persediaan bahan dan peralatan yang akan digunakan
 - ii. Menghantar bahan dan peralatan yang diperlukan
 - iii. Menjalankan kerja-kerja perkhidmatan kawalan pencemaran bau
 - iv. Selenggara kenderaan serta peralatan dan bahan yang digunakan
 - v. Penggunaan bahan untuk kawalan pencemaran mesti mengikut ketetapan yang dibuat oleh Jabatan
 - vi. Menyediakan kemudahan dan keperluan pegawai pemantau

SYARAT-SYARAT @ TERMA SEMASA PERKHIDMATAN

LATIHAN

Pihak pembekal perkhidmatan perlu memberi demonstrasi serta latihan kepada Jabatan dan juga penternak supaya dapat melatih pegawai tentang aplikasi penggunaan yang betul bagi memudahkan penggunaannya, selepas perkhidmatan dilakukan.

ALAT GANTI MUDAH DIPEROLEHI

Semua peralatan yang dibekal kekal perlulah mudah untuk mendapatkan alat ganti jika memerlukan penyelenggaraan dan penukaran bahagian-bahagian tertentu.

PANGGILAN KECEMASAN (ON-CALL SERVICE)

Selain daripada kontrak perkhidmatan, pihak pembekal mestilah menyediakan seorang juruteknik yang berkemahiran dan berpengetahuan jika terdapat kecemasan yang memerlukan penyelenggaraan dengan segera

SYARAT-SYARAT LAIN

1. Syarikat pembekal hendaklah menyertakan gambar pengalaman perkhidmatan jika ada sebagai lampiran untuk rujukan pihak jabatan selanjutnya.
2. Syarikat pembekal hendaklah menyertakan salinan akuan atau salinan surat syor berkenaan perkhidmatan yang berkaitan dengan tawaran ini dari mana-mana agensi atau syarikat yang beroperasi di Semenanjung Malaysia sahaja jika ada sebagai rujukan pihak jabatan selanjutnya.
3. Syarikat pembekal hendaklah menyertakan penerangan ringkas dan jelas terhadap kaedah yang digunakan dalam menjalankan perkhidmatan kawalan bau di ladang khinzir mengikut kaedah syarikat pembekal sebagai rujukan pihak jabatan selanjutnya.
4. Syarikat pembekal hendaklah menyertakan data-data maklumat impak kawalan pencemaran bau di ladang-ladang yang diberikan perkhidmatan tersebut oleh syarikat pembekal jika ada sebagai rujukan pihak jabatan selanjutnya.
5. Syarikat pembekal hendaklah berpengalaman dalam mengawal bau di kumbahan ternakan, **berpengetahuan dalam protokol memasuki dan keluar ladang ternakan khinzir**, berpengetahuan berkenaan penyakit-penyakit bawaan ternakan bagi mengelakkan berlaku sebaran penyakit oleh syarikat pembekal ketika menjalankan perkhidmatan.
6. Syarikat pembekal juga hendaklah menyatakan dengan jelas harga perkhidmatan yang ditawarkan.
7. Pembekal yang disenarai pendekkan akan ditemuduga oleh ahli jawatan kuasa teknikal jabatan.
8. Pembekal juga wajib mengisi SURAT AKUAN PEMBIDA seperti dilampiran untuk melayakkan permohonan syarikat yang masuk tender / sebutharga * diterima. Syarat-syarat dan maklumat lain adalah seperti yang terdapat dalam Lampiran A.

Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Negeri Pulau Pinang